

Lambakan Awang Hitam undang gejala negatif

B/Minggu 30/10/2011 MS 13

Gen Y gesa pengambilan pelajar asing dikaji semula

PERIHAL ORANG MUDA

Oleh Nadia Hamid
nnadia@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Kebanjiran rakyat asing terutama warga Afrika yang menyalahgunakan pas pelajar sebagai 'lesen' berlindung daripada kegiatan jenayah serta mempergunakan warga tempatan untuk membolos diri makin membimbangkan.

Saban hari, media tempatan melaporkan pelbagai kes jenayah membabitkan 'pelajar' asing ini yang terbit dalam sindiket pelacuran. Lebih membimbangkan dan dikesali, ada yang turut merekrut rakyat tempatan, khususnya remaja dan wanita tempatan sebagai keldai dadah hingga menimbulkan kerisauan banyak pihak terutama ibu bapa.

Maklum balas diterima di laman Facebook *Berita Harian* mendapati kebanyakan anak muda dari kalangan Generasi Y (Gen Y) ini bukan saja menyuarakan kebimbangan, tetapi turut mengakui ada kemasukan pelajar asing ke negara ini hanya mengundang masalah dan melakukan onar termasuk kes jenayah, menggugat keamanan dan keselamatan negara.

Ada yang turut mencadangkan kerajaan mengambil langkah proaktif dengan mencontohi syarat ketat yang dikuatkuasakan negara maju dalam membenarkan pelajar asing menuntut ilmu di negara terbabit.

Tidak kurang responden menyata-



Kerajaan perlu meneliti semula kemasukan pelajar asing ini...batalkan pas pelajar dan bertegas supaya mereka yang tidak aktif, segera meninggalkan negara kita

Muhd Khairun Aseh
Pengerusi Biro Aduan Komuniti Pemuda UMNO

kan kerajaan tidak perlu mengubah polisi bagi menjadikan Malaysia sebagai hub pendidikan sebaliknya, mengawal kemasukan pelajar berdasarkan kualiti bukannya kuantiti.

Mengulas perkembangan ini, Pengerusi Biro Aduan Komuniti Pemuda UMNO, Datuk Muhd Khairun Aseh, berkata kerajaan perlu segera melaksanakan proses pemutihan besar-besaran bagi mengaudit semula pelajar asing yang benar-benar mahu melanjutkan pengajian di Malaysia.

"Kerajaan perlu meneliti semula kemasukan pelajar asing ini...batalkan pas pelajar dan bertegas supaya mereka yang tidak aktif, segera meninggalkan negara kita.

"Difahamkan, kebanyakan pelajar asing dikesan tidak aktif di kolej namun berdaftar memasuki institusi pengajian dalam negara. Malah, segelintir institusi dan kolej tidak memantau perkembangan pelajar asing terbabit," katanya kepada *Berita Minggu* di sini, semalam.

Muhd Khairun turut menyelar institusi pendidikan swasta yang didakwa hanya mengejar keuntungan berganda dengan membuka lebih banyak peluang kepada pelajar asing tanpa memikirkan risikonya - baik untuk pelajar lain serta keselamatan negara.

"Kerajaan perlu memerhatikan gejala ini sekali gus mengambil tindakan segera membanterasnya. Ini kerana pelajar asing yang membuat onar tidak layak menetap di negara kita," katanya.

Apa kata mereka di Facebook



Orang Kampung Line sila rujuk syarat-syarat untuk menjadi pelajar dan semasa berada di China. Mungkin boleh di jadikan contoh yang lebih ketat.



Nzh Zainon bekukan sementara kemasukan pelajar asing dari benua Afrika dan ketatkan syarat pengambilan masuk pelajar asing ini ke Malaysia. Jadikan negara seperti Jepun sebagai petunjuk bagaimana utk menguruskan pelajar-pelajar asing.



Akmal Pent Mt Malaysia sering jadi mangsa keadaan. saya lebih suka dasar pendidikan 90 an. Waktu itu kurang pelajar pendatang asing dan kurang juga kolej swasta. hanya IPTA di pelopori dan di besarkan. saya cadangkan semua kementerian yang terlibat, seperti kementerian dalam negeri dan pelajaran tinggi mengkaji semula dasar sedia ada dan kurangkan bilangan mereka.



Aman Jali kena siasat dulu ataupun soal selidik apa tujuan kedatangan mereka ke negara ini adakah betul2 nak belajar, kita buat tapisan pelajar luar negara melalui rekod jenayah (negara asal) mereka jikalau perlu



Muhammad Noh pihak kerajaan sepatutnya sedar bahawa terlalu banyak kes membabitkan pelajar dari afrika yang menyalahgunakan pas pelajar, kes ini serius dan harus di tangani dengan segera sebelum ramai lg yang terjerat & menjadi mangsa plajar warga afrika ini..



M Zahiruddin Bin Kusini awang hitam ramai sgt, dorg majoriti lg tggg dan bdn besa dr kite.. ade yg ok.. tp yg jaat uh mmg jaat der.. ader yg gne pas pelajar dgn menjual jam, tali pinggang kt kedai2 mkn.. die x peduli org da, die nk pkai teksi die amek dlu, nk blas, kang kate diskriminasi.. kenderaan? dorg bli kenderaan mcm bli bju jer.. relek sje bwk kete lju2, bajet x kne speed trap, mne dorg dpt lesen memandu dlm negara kte?? pas pelajar ade kbaikannya, tp perlu diperhalusi lagi.. undang2 dibuat, tp pematuhannya diragui.. saya sarankan pas pelajar diberi kuota pd negara yg layak aje..



Untuk reaksi rakan Facebook selanjutnya

www.facebook.com/bhonline